



ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYA KE-60

Berikutan peningkatan kes baharu COVID-19 secara mendadak dalam negara, Universiti telah mengambil keputusan untuk **menangguhkan** Istiadat Konvokesyen ke-60 yang dijadualkan berlangsung pada 17 Oktober 2020. Keputusan ini diambil demi keselamatan dan kesejahteraan warga Universiti serta para jemputan.

Bagi graduan yang menerima ijazah pada tahun 2020, mereka akan diundang ke Istiadat Konvokesyen pada tahun hadapan bagi meraikan pencapaian akademik ini. Oleh yang demikian, skrol dan transkrip akan dihantar melalui pos kepada para graduan mulai 19 Oktober 2020. Graduan diminta melengkapkan maklumat melalui [Portal MAYA](#) bagi tujuan pengemaskinian alamat semasa untuk penghantaran skrol dan transkrip. Sebagai makluman, pengambilan skrol dan transkrip secara bersemuka tidak akan dilakukan bagi memastikan keselamatan semua pihak adalah terjamin.

Universiti Malaya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan semoga para graduan dapat meneruskan usaha demi kejayaan di masa hadapan. Universiti mengalu-alukan kehadiran para graduan ke Istiadat Konvokesyen pada tahun hadapan.

Terima kasih.

**Pejabat Komunikasi Korporat
Universiti Malaya**

Dikeluarkan pada 7 Oktober 2020.

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat
Aras L, Bangunan Canseleri
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: +603-7967 3238 | Faks: +603-7956 0027 | E-mel: corporate@um.edu.my



60TH UNIVERSITI MALAYA CONVOCATION CEREMONY

In view of the sudden increase in new COVID-19 cases in the country, the University has decided to **defer** our 60th Convocation Ceremony which was scheduled to take place on 17 October 2020. This decision was taken in the interest of the safety and well-being of the university community and attendees.

For graduands being conferred their degrees in 2020, you will be invited to a Convocation Ceremony next year to celebrate your academic success. In the meantime, the University will send you your scroll and transcript beginning 19 October 2020. Please would all graduands complete your details via [MAYA Portal](#) to inform us of your current address to which we will mail your scroll and transcript. Kindly be informed that there will be no in-person collection of scrolls and transcripts from the university in view of our efforts to keep everyone safe.

Universiti Malaya extends its heartiest congratulations to all our graduands and we wish you the very best in your future endeavours. We look forward to seeing you at the convocation ceremony next year.

Thank you.

**Corporate Communications Office
Universiti Malaya**

Issued on 7 October 2020.

Issued by:
Corporate Communications Office
Level L, Chancellery
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: +603-7967 3238 | Fax: +603-7956 0027 | Email: corporate@um.edu.my